

NO. SOALAN : 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2015

SOALAN :

YB. Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sama ada berlaku pertambahan kehadiran pelancong ke Malaysia semenjak kenaikan kadar tukaran wang asing bagi 2015.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik pertambahan kehadiran pelancong terkini berbanding dengan tahun sebelumnya berdasarkan kenaikan kadar pertukaran wang asing belum dapat ditentukan, kerana data-data yang diterima perlu dikaji dan statistik hanya dapat diperolehi dalam jangkamasa 3 bulan selepas itu. Walaupun kadar nilai ringgit mulai jatuh pada bulan September 2014, namun impak kejatuhan ketara hanya berlaku pada bulan Ogos 2015.

Sekian, terima kasih.